

DASAR PENDAFTARAN VENDOR

Pengenalan

ANDA DINASIHATKAN MEMBACA TERMA DAN SYARAT INI DENGAN TELITI SEBELUM BERSETUJU UNTUK MENGEMUKAKAN PERMOHONAN PENDAFTARAN SYARIKAT ANDA (selepas ini dirujuk sebagai “vendor”) KE UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) (selepas ini dirujuk sebagai “kami”) melalui laman web di <https://> (selepas ini dirujuk sebagai “laman”). Kefahaman yang jelas adalah penting untuk memastikan permohonan yang dikemukakan adalah lengkap dan boleh diberikan pertimbangan yang sewajarnya.

Dengan melengkapkan Permohonan Pendaftaran Vendor, menyediakan dan mengemukakan maklumat yang diperlukan dan lampiran (secara kolektif dirujuk sebagai ‘Maklumat’ dan apa-apa rujukan kepada ‘Maklumat’ hendaklah termasuk dokumen-dokumen sokongan yang dikehendaki dikemukakan oleh anda dan diterima kami dari semasa ke semasa) ke Universiti Teknologi MARA (UiTM) melalui laman web ini dan / atau melalui mana-mana cara lain seperti yang telah ditentukan kami dari semasa ke semasa, **ANDA DISIFATKAN TELAH MEMBACA, MEMAHAMI, MENERIMA DAN TERIKAT DENGAN TERMA-TERMA DAN SYARAT BERIKUT :**

Tafsiran

- (a) Rujukan kepada “anda”, adalah merujuk kepada pembekal, kontraktor, syarikat induk, anak syarikat, gabungan syarikat, persendirian, kelab/persatuan atau lain-lan yang seumpamanya menjalankan perniagaan pembekalan, pembangunan, kerja-kerja dan perkhidmatan dan berurusan dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM), akan diklasifikasikan ke dalam kategori pengguna mahupun kumpulan pengguna yang dikenali sebagai ‘Vendor UiTM’
- (b) Rujukan kepada “kami”, adalah merujuk kepada adalah merujuk kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM) merangkumi Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang berada diseluruh Malaysia atau serata dunia, termasuklah di setiap negeri di dalam negara, daerah di dalam negeri dan di serata dunia.

Tujuan

- (a) Tujuan pendaftaran vendor adalah untuk membolehkan kami merekod maklumat anda bagi membolehkan transaksi komunikasi dua hala berhubung aktiviti perolehan Universiti Teknologi MARA (UiTM) berlaku menerusi atas talian.

Pendaftaran

- (a) Secara amnya, setiap pendaftaran secara atas talian ini boleh dikategorikan seperti berikut :
 - i) Pendaftaran Baru (Vendor)
 - ii) Kemaskini Pendaftaran
 - iii) Permohonan Akses (PKI)
- (b) Tempoh pendaftaran / pengemaskinian maklumat adalah dibuka sepanjang masa.

DASAR PENDAFTARAN VENDOR

Dasar Am

- (a) Selain daripada terma dan syarat ini, anda juga secara automatik adalah tertakluk di bawah Dasar Privasi dan Dasar Keselematan laman web ini.
- (b) Kami berhak, pada budi bicara kami, untuk menambah, memadam atau mengubah sebahagian atau semua Dasar serta syarat secara atas talian ini pada bila-bila masa tanpa notis.
- (c) Sekiranya terdapat apa-apa ketidakselarasan, konflik, kekaburan atau percanggahan di antara mana-mana versi terjemahan terma dan syarat yang telah disediakan, versi Bahasa Melayu akan diberi keutamaan.
- (d) Terma dan syarat yang terkandung ini adalah sebagai tambahan dan peringatan dan bukan pengurangan kepada pengaturann khusus sedia ada atau yang wujud selepas ini.
- (e) Terma dan syarat ini akan mengikat anda atau wakil anda dan tidak boleh diserahkan atas sebab-sebab apa sekalipun.

Terma dan Syarat

- (a) Anda tidak akan dianggap sebagai salah satu vendor UiTM berdaftar, sebelum anda menerima pengesahan pendaftaran melalui laman web ini telah berjaya. Pendaftaran yang telah berjaya akan diberikan sijil digital secara atas talian.
- (b) Dengan mengemukakan permohonan dan bersetuju dengan terma dan syarat yang telah dikemukakan kami, anda akan dianggap telah membaca dan memahami dasar serta terma dan syarat kami, seterusnya secara automatik telah bersetuju dan terikat dengan terma-terma dan syarat yang telah ditetapkan kami.
- (c) Jika permohonan anda ditolak atau pendaftaran anda sebagai vendor berdaftar dibatalkan (sebagai mana-mana yang berkenaan), kami tidak akan bertanggungjawab untuk mesti menyediakan apa-apa sebab daripadanya. Bagi memperluaskan maksud klausa ini, kami berhak untuk menolak atau membatalkan permohonan anda jika mendapati semua atau mana-mana bahagian maklumat yang dikemukakan anda adalah palsu, tidak tepat, atau atas sebab lain yang dianggap sesuai atas budi bicara kami.
- (d) Walaubagaimana keadaan sekalipun, anda akan diminta secara mandatori menyediakan maklumat yang dikehendaki. Sekiranya maklumat yang dikehendaki ini tidak dapat dikemukakan, kami berhak menggunakan saluran menerusi sistem FINEPerolehan PLUS UiTM untuk menamatkan dan menghentikan sebarang transaksi seterusnya membatalkan permohonan pendaftaran.
- (e) Pendaftaran daripada vendor yang dimiliki oleh pemegang saham / pengarah syarikat / pengguna atau pengendali urusan perolehan atas talian bagi pihak vendor dari kalangan staf UiTM yang masih lagi berkhidmat tidak akan sekali-kali dipertimbangkan dengan tujuan untuk mengelakkan sebarang konflik kepentingan. Untuk mengelakkan sebarang komplikasi, perlantikan terutamanya pengguna yang bertanggungjawab terlebih dahulu dikenalpasti dan diatur dengan sewajarnya. Bagi memperkuat pemahaman anda, sekiranya perkara ini berlaku, pendaftaran anda akan dihentikan atau ditamatkan seterusnya menjelaskan maksud seperti di dalam kenyataan (c) dan (d).

DASAR PENDAFTARAN VENDOR

- (f) Dalam pemprosesan permohonan, pegawai yang bertugas dari kalangan staf UiTM boleh menghubungi pemohon sekiranya memerlukan sebarang penjelasan lanjut dan meminta pengesahan. Pemohon dinasihatkan untuk memberikan kerjasama yang terbaik. Apa-apa permintaan untuk memendekkan dan mempercepatkan proses permohonan dalam mengutamakan permohonan anda tidak akan dilayan.
- (g) Anda adalah dinasihatkan supaya berhati-hati dengan sebarang bentuk penyamaran sebagai staf UiTM yang menghubungi anda dalam memperoleh maklumat yang dikehendaki. Lazimnya, maklumat yang diperlukan hanyalah sekadar untuk pengesahan sahaja sama ada 'YA' atau 'TIDAK' tertakluk kepada medan-medan yang telah diisi di dalam FINEPerolehan PLUS semasa dalam proses pendaftaran.
- (h) Secara amnya, proses penilaian dibahagikan kepada (2) peringkat. Di peringkat pertama, permohonan akan dinilai berdasarkan pematuhan kepada keperluan berikut :
 - 1) Dokumen yang diperlukan diterima selengkapnya, bertepatan dengan seperti yang dipinta, boleh dibuka dan dibaca.
 - 2) Sesetengah maklumat yang dikehendaki mestilah selari dengan maklumat yang terkandung di dalam dokumen yang dipinta.
 - 3) Tempoh sahlaku pendaftaran Kementerian Kewangan masih sah.

Permohonan yang tidak berjaya pada peringkat ini tidak akan diberikan pertimbangan selanjutnya manakala permohonan yang berjaya akan dinilai untuk peringkat kedua.

Pada peringkat kedua ini, hanya permohonan yang memenuhi semua keperluan am yang lain akan dipertimbangkan untuk kelulusan.

- (i) Berdasarkan maklumat yang telah dikemukakan, kami berhak untuk membuat semakan secara fizikal ke atas alamat-alamat perhubungan vendor, stor penyimpanan dan lain-lain yang berkaitan dalam memastikan kesediaan vendor menerima sebarang tawaran UiTM. Kami juga berhak untuk menghubungi pihak lain yang berkaitan untuk memberikan pengesahan dan menjamin kesahihan dokumen.
- (j) Kelulusan pendaftaran vendor, tidak bermakna bahawa anda akan dijemput untuk mengambil bahagian dalam setiap tawaran UiTM. Anda dinasihatkan untuk sentiasa mengemaskinikan maklumat pendaftaran anda dari masa ke semasa bagi menjamin pasaran produk, kerja dan perkhidmatan anda masih diperlukan UiTM.

Pertanyaan, Aduan dan Cadangan Penambahbaikan Tentang Dasar

- (a) Kami, Universiti Teknologi MARA (UiTM), menyambut dan menggalakkan pelanggan untuk menemukan cadangan penambahbaikan serta mengajukan sebarang soalan-soalan yang memerlukan penjelasan atau aduan-aduan yang mungkin bertentangan berhubung dasar ini. Untuk tujuan itu, pelanggan bolehlah menghubungi talian hotline kami, Khidmat Pelanggan seperti di dalam modul Hubungi Kami, menerusi emel di finadmin@salam.uitm.edu.my atau atau berhubung secara terus ke pejabat kami di :

Bahagian Pengurusan Perolehan
Pejabat Bendahari
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan